

Tekanan terkurung 20

902 kes direkod dalam empat bulan pertama tahun ini

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Desakan hidup, pendapatan terjejas dan kehilangan pekerjaan antara punca berlaku keganasan rumah tangga dikesan dengan 902 kes direkod dalam empat bulan pertama tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, antara punca peningkatan kes keganasan rumah tangga adalah kebanyakan mereka terkejut apabila terkurung dalam rumah dan pergerakan dihadkan menyebabkan melepaskan tekanan kepada keluarga.

“Berdasarkan Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) sepanjang Januari hingga Disember 2020, 5,260 kertas siasatan ber-

hubung keganasan rumah tangga dibuka.

“Statistik Talian Kasih KPWKM dari Januari hingga Disember 2020 merekod 2,540 kes keganasan rumah tangga diterima manakala dari Januari lalu 902 kes keganasan rumah tangga dilaporkan,” katanya dalam sidang media dalam program pelancaran masjid sebagai pusat transit perlindungan keganasan rumah tangga di Masjid Wilayah Persekutuan, semalam.

Rina berkata, statistik itu menunjukkan isu keganasan rumah tangga memerlukan intervensi dan kerjasama pelbagai pihak.

“Tidak dapat dinafikan masjid sebuah institusi ibadah yang kian berkembang sejajar dengan arus penerangan zaman dan memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai sebuah institusi yang membina kemajuan

ummah.

“Sejarah tercipta hari ini (semalam) apabila fungsi masjid bukan sekadar tempat ibadah, pembelajaran dan penyebaran agama Islam malah fungsi masjid diperluaskan dengan menjadikan masjid sebagai pusat transit perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga,” katanya.

Menurutnya, sebaik mangsa tiba di masjid yang dijadikan pusat transit sementara, mereka akan mendapat perintah mahkamah dan dipindahkan ke pusat perlindungan wanita yang digazetkan.

“Mangsa ditempatkan dalam tempoh tiga hari, hanya untuk transit dan bukan untuk selama-lamanya sementara dapat perintah ke pusat perlindungan wanita,” katanya.

Sementara itu, Zulkifli berkata, projek masjid sebagai pusat transit kegana-

san rumah tangga antara inisiatif di bawah Pelan Pengimarahannya Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan 2020-2024 melalui teras sosial, komuniti dan alam sekitar dengan penjenamaan masjid prihatin.

“Ia bertujuan menyeronokkan lagi fungsi masjid sebagai pusat komuniti setempat yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada segenap lapisan masyarakat meliputi keperluan psikososial dan spiritual.

“Program ini berkonsepkan perlindungan segera kepada komuniti dan masyarakat setempat dalam kalangan ahli kariah masjid khususnya golongan wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga dengan menyediakan kemudahan bilik asrama sedia ada di masjid, keperluan asas diri serta makan minum sepanjang keberadaan mereka di masjid,” katanya.

STATISTIK Talian Kasih
KPWKM dari Januari hingga
Disember 2020 merekod 2,540
kes keganasan rumah tangga.

